



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



EKOSISTEM

KONDUSIF

SEKTOR

AWAM

|

PRAKTIKAL

MESRA

BERSIH

SELESA

Edisi Kedua
Januari - Jun
2022

e-Buletin EKSA 2022

Politeknik METrO Betong Sarawak



e-Buletin EKSA

Politeknik METrO Betong Sarawak

Edisi Kedua, 2022

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak

e ISSN: 2948-3840

<https://www.pmbs.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=92:e-buletin-eksa-pmbs-edisi-kedua>

Published by :

Politeknik METrO Betong Sarawak

I-I2, Fasa 2, Bandar Baru Betong,

Jalan Baru Betong,

95700, Betong, Sarawak.



ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
e - BULETIN EKSA	1
SIDANG REDAKSI	2
KATA ALUAN	3
SINGKATAN PERKATAAN	4
MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKSA BIL 1:2022	5
PELANTIKAN JAWATANKUASA INDUK EKSA BAGI TAHUN 2022	6
APAKAH ITU HARI BUMI	7
KEPENTINGAN MENJAGA ALAM SEKITAR	8
AMALAN HIJAU DI PEJABAT	9
KEPENTINGAN KITAR SEMULA	10 - 12
AMALAN EKSA DALAM PEJABAT	13 - 14
PERMAINAN EKSA	15 - 16
KEMPEN MEMBUDAYAKAN AMALAN EKSA DAN PENJIMATAN ELEKTRIK	17
MEMBUDAYAKAN AMALAN EKSA	18
PERASMIAN WEB RASMI EKSA PMBS	19 - 20
PERTANDINGAN MEREKA BAJU EKSA	21 - 22
INFO EKSA (AMALAN EKSA "DO IT YOURSELF")	23
PERMAINAN EKSA	24 - 25
KEMPEN KITAR SEMULA DAN GOTONG ROYONG	26 - 28
PEMURNIAN GARIS PANDUAN EKOSISTEM SEKTOR AWAM DAN PEMBUKAAN AUDIT DALAMAN EKSA BIL 1:2022	29 - 30
PENUTUPAN AUDIT DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM BILANGAN 1:2022	31
HEBAHAN AKTIVITI EKSA (JULAI - DISEMBER)	32
PENUTUP	33
RUJUKAN	34

SIDANG REDAKSI



PENAUNG
Encik Suhaili Bin Aleh



PENASIHAT
Puan Siti Syuhaila Binti Zahari



EDITOR 1
Cik Fazidah Binti Sahadan



EDITOR 2
Encik Abdul Fattah Bin Hamden



EDITOR 3
Encik Patrick Jopris Aro



GRAFIK & SENI REKA
Encik Larnerdo Ak John French Udin



TERBITAN & EDARAN
Puan Evelyn Anak Frankling Tegik



KATA ALUAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka E-Buletin EKSA edisi kedua berjaya diterbitkan oleh pihak sidang redaksi khususnya dalam kalangan kakitangan PMBS sendiri. Kejayaan ini merupakan hasil usaha seluruh jawatankuasa untuk melebarkan peranan dalam bidang penerbitan dan melaksanakan EKSA diperingkat institusi. Justeru, penerbitan E-Buletin ini merupakan bukti PMBS komited terhadap membudayakan EKSA dalam kalangan warga PMBS dan usaha ini akan berterusan dari masa ke masa selaras dengan misi EKSA PMBS iaitu praktikal, mesra, bersih dan selesa.

E-Buletin edisi kedua pada kali ini merupakan rangkuman pelbagai aktiviti EKSA yang telah dilaksanakan daripada bulan Januari sehingga Jun 2022. Saya percaya terlalu banyak perkara yang boleh dikongsikan dan menjadikan PMBS institusi yang terunggul di masa akan datang. Saya berharap sidang redaksi akan terus aktif dalam mencoretkan segala aktiviti, pencapaian, usaha dan azam dalam mengekalkan EKSA terus cemerlang. Semoga seluruh warga PMBS terus membudayakan EKSA untuk mewujudkan amalan kerja yang produktif dan kondusif.

Selamat berkarya dan selamat membaca.

Encik Suhaili bin Aleh

Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak



SUHAILI BIN ALEH
Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak



SINGKATAN PERKATAAN

PMBS

▪ Politeknik METrO Betong Sarawak

EKSA

▪ Ekosistem Kondusif Sektor Awam

5S

▪ Sisi, Susun, Sapu, Seragam Dan Sentiasa Amal

E-POSTER

▪ Poster Elektronik

Bil.

▪ Bilangan

MAMPU

▪ Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKSA BIL 1:2022

26 FEBRUARI 2022 | ISNIN

MESYUARAT

Jawatankuasa Induk EKSA Bil 1 2022 telah diadakan buat pertama kali bagi membentangkan perancangan aktiviti EKSA di PMBS bagi tahun 2022. Mesyuarat ini juga dihadiri oleh Pengarah PMBS, iaitu Encik Suhaili Bin Aleh, Timbalan Pengarah PMBS, Encik Mohd Shahrir Bin Ahmad Zaini, Fasilitator EKSA PMBS, Puan Siti Syuhaila Binti Zahari, Penyelaras EKSA PMBS, Cik Farah Nadia Binti Mohd Hasnu, Juruaudit EKSA PMBS, Puan Agnes Anak Buda, Ketua Unit Promosi EKSA PMBS, Encik Abdul Fattah Bin Hamden, Ketua Unit Latihan EKSA, Cik Aren Lah Kebing, Ketua Zon A, Puan Evelyn anak Frangklin Tegik dan Ketua Zon B, Cik Fazidah Bt Sahadan.

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKSA BIL 1:2022



Antara perkara yang di bincangkan adalah penyerahan tugas kepada Penyelaras EKSA bagi tahun 2022 iaitu Cik Farah Nadia Bt Hasnu dan amanat dari Encik Suhaili Bin Aleh untuk mengekalkan status CEMERLANG bagi audit yang seterusnya. Selain daripada itu, Encik Suhaili juga mengingatkan agar amalan kerjasama dalam mengekalkan status CEMERLANG untuk audit yang akan datang amatlah diperlukan daripada semua staf PMBS tidak mengira peringkat dan jawatan.



PERLANTIKAN JAWATANKUASA INDUK EKSA BAGI TAHUN 2022


25 FEBRUARI 2022 | JUMAAT



UPACARA PENYERAHAN TUGAS PENYELARAS
EKSA

UPACARA penyerahan tugas kepada
penyelaras EKSA yang baru iaitu Cik Farah Nadia
bt Hasnu di mana penyelaras sebelumnya adalah
Cik Jessica anak Jawa.

Upacara perlantikan jawatankuasa yang baru juga
telah dilaksanakan pada hari yang sama dengan
sedikit perubahan di dalam jawatankuasa yang
sebelumnya di mana mereka yang dilantik dalam
jawatankuasa zon juga akan terlibat dengan
jawatankuasa induk.



APAKAH ITU HARI BUMI?



HARI BUMI ADALAH...

Hari Bumi pertama kalinya disambut pada **22 April 1970** dan dirayakan setiap tahun pada Tarikh tersebut oleh seluruh dunia. Ia adalah acara tahunan bagi memberi kehormatan kepada pergerakan yang memberi kesedaran betapa kita wajib memelihara dan memulihara alam sekitar.

Kesedaran ini dilakukan dari dulu lagi untuk memastikan generasi akan datang mendapat kebaikan daripada sumber alam seperti oksigen, pemanasan global dan banyak lagi.



EARTH DAY...

KEPENTINGAN MENJAGA ALAM SEKITAR

JAGALAH ALAM SEKITAR...

ALAM SEKITAR terutamanya hutan hijau banyak memberi kebaikan kepada manusia dan juga binatang. Pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di muka bumi ini adalah tanggungjawab kita semua demi mengekalkan kebaikan yang dapat diperolehi darinya.

Tumbuh-tumbuhan hijau membekalkan oksigen kepada manusia dan juga haiwan untuk meneruskan hidup di mana tumbuhan akan memproses gas Karbon Dioksida (CO_2) dan merembeskan gas Oksigen (O_2) untuk kita bernafas. Oksigen juga bertanggungjawab untuk mengawal suhu bumi menjadi tinggi dan menyebabkan pemanasan global.

Selain daripada itu, akar pokok yang mencengkam tanah dapat mengelakkan terjadinya bencana tanah runtuh disebabkan oleh hakisan tanah.





AMALAN HIJAU DI PEJABAT

**Mengurangkan
pembaziran
kertas
(kitar semula)**

**Suhu
penghawa
dingin
berada pada
24°C
ke atas**

**Berhemat
cermat
dalam
penggunaan
alat tulis**

**Galakkan
penggunaan
produk
hijau**

**Mengelakkan
pembaziran
air**

**Mengamalkan
pengurusan
sumber
yang cekap**

KEPENTINGAN KITAR SEMULA

Kepentingan Kitar Semula Kepada Manusia Dan Alam Sekitar



Proses

kitar semula telah diperkenalkan kepada kita sejak kecil lagi kerana impaknya terhadap alam sekitar adalah sangat besar. Dari kecil lagi kita telah di didik untuk menggunakan kembali botol kaca dan tin minuman untuk kegunaan harian kita.

Walaupun sebenarnya dalam proses kitar semula masih kurang di amalkan dalam kehidupan seharian seperti mengasingkan bahan buangan mengikut kategori tertentu iaitu (gelas, kertas, plastik dan kaca).

JEPUN

merupakan salah satu negara yang harus dicontohi kerana penduduknya telah mengamalkan proses kitar semula dengan baik dan berdisiplin. Mereka mengikuti arahan seperti yang ditentukan oleh kerajaan, dimana jadual pembuangan sampah mengikut kategori sampah tersebut telah dilaksanakan.

merupakan salah satu negara yang harus
ana penduduknya telah mengamalkan
semula dengan baik dan berdisiplin.
ikuti arahan seperti yang ditentukan
, dimana jadual pembuangan sampah
gori sampah tersebut telah dilaksanakan.



日 Sun	月 Mon	火 Tue	水 Wed	木 Thu	金 Fri	土 Sat
1	2 可燃 資源物	3 不燃 資源物・燃焼物 資源物・燃焼物	4 新聞 資源物	5 可燃 牛乳パック類 資源物 古紙・古布類	6 資源物 資源物 資源物	7
8	9 可燃	10 不燃 資源物・燃焼物 資源物・燃焼物	11 ペットボトル・資源物 資源物 資源物	12 可燃	13	14
15	16 可燃 資源物	17 不燃 資源物・燃焼物 資源物・燃焼物	18 新聞 資源物	19 可燃 牛乳パック類 資源物 古紙・古布類	20 資源物 資源物 資源物	21
22	23 可燃	24 不燃 資源物・燃焼物 資源物・燃焼物	25 ペットボトル・資源物 資源物 資源物	26 可燃	27	28
29 祝日 祝日	30 祝日 可燃 資源物	1	2	3 ※新聞紙をはじめ、資源物はなるべく販売店の回収へ (18ページを参照してください)	4	5

平成19年
2007年 April

4月

ごみ・資源物は、収集日当日の朝、原則**8時**までに出してください

* 二六の相談 0581-0444
 * 大六の相談 0581-4331
 * 浄化槽通し 0581-3177
 * し尿汲取り 0583-3347

※、それ以外の担当業務の番号です

※お間違いないよう
番号をご確認ください



田中齒科医院

甲 120-0002
植物体及种子 2 份

20 聖賢擊光日鏡步 1 分 三和堂友朋行沙
南軒・公堂南軒・自按西軒・城正南軒 5

總發行：廣益書局

Tel: **042-585-4618**



SELAIN daripada Jepun, Jerman juga merupakan salah satu negara yang mengamalkan sistem kitar semula di kalangan rakyatnya. Jerman juga merupakan sebuah negara yang menduduki tempat pertama yang mengamalkan sistem kitar semula di negaranya.

Inisiatif seperti menyediakan tong-tong kitar semula di setiap tempat di kawasan awam dan juga inovasi di mana mesin kitar semula sangat mudah di dapati menjadi salah satu sebab kenapa rakyatnya mudah untuk mengamalkan kitar semula di dalam kehidupan seharian.

Di Malaysia, terdapat pelbagai tong-tong kitar semula di letakkan di kawasan awam dalam pelbagai warna. Warna-warna setiap tong mewakili bahan yang boleh dikitar semula mengikut kategori.

AMALAN EKSA DI DALAM PEJABAT


28 FEBRUARI 2022 | ISNIN

Ditulis oleh Fazidah Binti Sahadan

AMALAN EKSA di pejabat telah diperkenalkan oleh MAMPU, di mana asalnya dikenali sebagai 5S iaitu Seiri (susun), Seiton (ikut urutan), Seiso (berkilau) dan Shitsuke (memelihara). Pihak MAMPU telah mengambil inisiatif memperkenalkan EKSA bagi menggantikan 5S sebagai amalan yang digunakan dalam sektor awam.



Tujuan utama EKSA di sektor awam adalah untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif selain daripada meningkatkan imej korporat di dalam pejabat. Aktiviti kreatif dan inovasi juga disemarakkan dan segala aktiviti pembudayaan Amalan Hijau adalah digalakkan bagi mewujudkan persekitaran hijau. Akhir sekali adalah untuk memastikan segala elemen pengauditan yang memenuhi keperluan kepelbagaian sektor awam dapat di ikuti.



AMALAN EKSA di pejabat dapat membantu pekerja agensi awam untuk berkerja dengan lebih cekap dan tersusun. Selain daripada keadaan di tempat kerja tampak lebih kemas, proses untuk membuat sesuatu pekerjaan akan lebih senang dan teratur, menyebabkan seorang pekerja itu mudah untuk melakukan sesuatu pekerjaan.

EKSA juga memberi peluang kepada semua staf di setiap agensi sektor awam untuk membuat inovasi mengikut kreativiti masing-masing, justeru meningkatkan daya saing yang sihat daripada pertandingan yang di anjurkan.




Ia juga memberi peluang kepada pekerja untuk mencipta sesuatu yang baru yang berlandaskan elemen-elemen dalam EKSA. Seperti contoh, ciptaan tempat simpan payung yang berasas daripada buluh atau penggunaan Google Drive sebagai tempat penyimpanan dokumen untuk menjadikan ia sebagai langkah untuk bebas kertas.



PERMAINAN EKSA

SELESAIKAN PETA DI BAWAH



PERMAINAN EKSA

PADANKAN SAMPAH BERIKUT MENGIKUT
TONG YANG BETUL



KEMPEN MEMBUDAYAKAN AMALAN EKSA DAN PENJIMATAN ELEKTRIK

19 MAC 2022 | SELASA



Poster Hebahan Penjimatan Elektrik

AMALAN EKSA DAN PENJIMATAN ELEKTRIK

Pelaksanaan EKSA dalam organisasi akan dapat mewujudkan suasana kerja yang lebih kemas, bersih, tersusun dan berimej korporat. Keadaan ini akan memberi impak ke arah peningkatan produktiviti, penambahbaikan kualiti penyampaian perkhidmatan serta membantu ke arah proses kerja yang lebih efektif. Oleh itu, Jawatankuasa EKSA telah melaksanakan kempen membudayakan amalan EKSA dan Penjimatan Elektrik kepada semua pegawai PMBS. Kempen telah dihebahkan melalui beberapa platform rasmi institusi seperti Facebook, Instagram dan Whatsapp. Hasil daripada kempen yang dijalankan, beberapa amalan baik telah ditunjukkan oleh pegawai dalam menjayakan EKSA.

ANTARA TIPS YANG DISARANKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. Sila pastikan semua suis ditutup setiap kali meninggalkan pejabat atau ketika ianya tidak digunakan.
2. Tetapkan suhu penghawa dingin pada 24°C supaya elektrik dapat dijimatkan secara berhemah.
3. Pastikan juga komputer (PC) atau komputer riba ditetapkan pada **MODE SLEEP** sekiranya tidak digunakan selepas 5 minit.








Poster Hebahan Membudayakan Amalan Ekسا

MEMBUDAYAKAN AMALAN EKSA

Susunan peralatan pejabat dan alat tulis yang kemas dan mengikut label peralatan



Ruang kerja pegawai yang kemas dan tersusun

PERASMIAAN WEB RASMI EKSA PMBS

04 APRIL 2022 | ISNIN




WEB RASMI EKSA PMBS

Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Politeknik METro Betong Sarawak telah bermula pada tahun 2018 dan mendapat pensijilan pertama pada tahun 2019 serta dikategorikan baik. Manakala bagi pensijilan kedua EKSA pada tahun 2021, PMBS berjaya mendapat kategori cemerlang. Pelaksanaan EKSA di PMBS merupakan suatu usaha untuk memantapkan pengurusan pejabat dan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi membantu meningkatkan produktiviti warga PMBS. EKSA juga mampu mentransformasi imej PMBS secara keseluruhan dengan mempamerkan imej yang lebih korporat selaras dengan perkembangan semasa sektor awam.

Ia juga akan menyemarakkan aktiviti kreativiti di kalangan warga PMBS dan menggalakkan pembudayaan amalan hijau atau Go Green. Sesungguhnya pelaksanaan EKSA ini selaras dengan usaha memperkukuh budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif di kalangan warga PMBS. Semoga PMBS lebih selesa dan sejahtera dengan pelaksanaan EKSA. Oleh itu juga, JK EKSA telah mencipta web khas untuk mempromosikan EKSA PMBS kepada pihak luar. Dengan adanya web EKSA ini, semua pihak boleh mendapatkan informasi berkaitan dengan EKSA PMBS dengan mudah.

PERASMIAN WEB RASMI EKSA PMBS

WEB DIAKSES OLEH PEGAWAI PMBS DAN
PENGARAH PMBS





POSTER HEBAHAN PERTANDINGAN

PERTANDINGAN MEREKA BAJU EKSA

22 APRIL 2022 | JUMAAT

PERTANDINGAN

MEREKA CIPTA BAJU EKSA bertujuan dan bermatlamat untuk memberi peluang kepada kakitangan PMBS dalam mencetuskan idea yang kreatif yang boleh diketengahkan dalam reka bentuk dan penghasilan Pakaian BAJU T-shirt EKSA Politeknik METRO Betong Sarawak. Edisi kali ini telah menerima sebanyak 8 reka bentuk baju EKSA. Kesemua peserta menghantar rekaan mengikut kumpulan masing-masing. Baju yang telah dipilih sebagai pemenang akan menjadi baju rasmi EKSA PMBS. Baju ini akan digunakan semasa gotong-royong dan aktiviti EKSA dijalankan.

PERTANDINGAN MEREKA BAJU EKSA



**PEMENANG PERTANDINGAN MEREKA
BAJU EKSA**

**ANTARA PENYERTAAN PERTANDINGAN
MEREKA BAJU EKSA**

AMALKAN EKSA "DIY"

(DO IT YOURSELF)



IMEJ KORPORAT



PERSEKITARAN
YANG KONDUSIF



SISIH | SAPU | SUSUN



GO GREEN



SERAGAM



SENTIASA AMAL




KEPELBAGAIAN AGENSI

AMALAN EKSA "DIY"

PERMAINAN EKSA

Jom Main Teka Silang Kata




1. GAMBAR TUMBUHAN PADA LOGO EKSA PMBS
2. PENSIJILAN EKSA PMBS PADA TAHUN 2021
3. SLOGAN EKSA PMBS IALAH PRAKTIKAL, MESRA, BERSIH DAN _____
4. PEMBUDAYAAN EKSA UNTUK MEWUJUDKAN AMALAN KERJA YANG PRODUKTIF DAN _____

JOM MAIN TEKA SILANG KATA

PERMAINAN EKSA

PERKATAAN PERTAMA YANG ANDA LIHAT

**MANAKAH YANG
TERLEBIH DAHULU
MENYIRAM POKOK
BUNGA?**





KEMPEN KITAR SEMULA & GOTONG ROYONG

SEMPENA AUDIT DALAMAN EKSA BIL.1 2022

20 MEI 2022 | JUMAAT

EKSA Politeknik METrO Betong Sarawak telah mengadakan gotong-royong pada Jumaat lepas bertempat di sekitar kawasan PMBS yang melibatkan semua kakitangan PMBS dan para pelajar.

Gotong-royong ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan kebersihan dan keindahan kawasan PMBS supaya ianya terus menjadi persekitaran yang kondusif dan selesa untuk semua warga PMBS.

Selain itu, gotong-royong ini diadakan untuk memastikan proses pengauditan berjalan dengan lancar.

AKTIVITI


Pembersihan dan pengaturan dilaksanakan bersama kakitangan PMBS dan para pelajar.

SUASANA PMBS

Suasana dan keadaan gotong royong di PMBS yang memenuhi spesifikasi audit dalaman EKSA yang akan datang.

HASIL

Persekitaran yang kondusif dan selesa untuk semua warga PMBS.



AKTIVITI gotong-royong bukan sahaja menyemai semangat kerjasama tetapi juga mengeratkan silaturahim di kalangan masyarakat sesebuah kawasan. Menyedari kepentingannya, Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS) mengambil inisiatif untuk menghidupkan budaya itu semula. Selain staf PMBS, gotong-royong tersebut turut melibatkan pelajar.



“Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) adalah penjenamaan semula Amalan 5S. EKSA yang diperkenalkan ini bukan bertujuan untuk menggantikan konsep Amalan 5S yang telah sedia ada diamalkan, sebaliknya menambahbaik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang kondusif”

“Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)”

BILIK SIMPANAN JUBAH KONVO

Pensyarah bersama dengan pelajar menyusun stok jubah mengikut saiz, disamping itu pengiraan stok juga dilaksanakan.



POLY PAVILION

Poly Pavilion, salah satu tempat yang sering digunakan oleh pelajar iaitu bilik usahawan ini disusun dengan lebih sistematik supaya selaras dengan piawaian Pensijilan EKSA. Di samping itu dapat memberi keceriaan dan kebersihan kawasan adalah penting bagi meningkatkan mutu nilai usahawan dari pelajar kerana mempunyai ruang persekitaran yang ceria, tenang dan selesa ke arah untuk mencapai potensi pelajar secara maksimum dalam bidang keusahawanan.

HASIL :

Program Gotong Royong Perdana ini diharap dapat menyokong usaha POLITEKNIK METRo BETONG SARAWAK (PMBS) ke Pensijilan EKSA seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang produktif, bersih dan selamat ke arah sistem penyampaian perkhidmatan pembelajaran yang bertaraf dunia. Komitmen yang berterusan daripada pihak pengurusan serta penglibatan semua warga dan Pelajar PMBS menjadi tunjang kepada kejayaan pelaksanaan EKSA.

Ia juga perlu dilaksanakan secara berterusan untuk mengekalkan prestasi penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Program Gotong Royong ini secara keseluruhannya dijangka akan dapat memberikan impak yang tinggi kepada PMBS sempena audit dalaman EKSA BIL.1 2022 yang melaksanakan EKSA di dalam sistem PMBS.

PERMURNIAN GARIS PANDUAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM DAN PEMBUKAAN AUDIT DALAMAN EKSA BIL 1 2022

24 MEI 2022 | SELASA

Audit dalaman EKSA PMBS yang telah dilaksanakan pada 24 dan 25 Mei yang lalu. Pasukan audit diketuai oleh Puan Muzailina Binti Muslimin sebagai Ketua Juruaudit.

Seramai 7 ahli jawatankuasa audit yang terdiri daripada Puan Agnes Anak Buda, Puan Evelyn Franklin anak Tegik, Puan Rohanisah Binti Sahari, Encik Mohamad Shukri Bin Muda, Encik Anderian Baling Anak Piang dan Encik Larnerdo Ak John French Udin.




Ahli Jawatankuasa audit EKSA berkumpul pada pembukaan AUDIT DALAMAN EKSA.

PERMURNIAN GARIS PANDUAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM DAN PEMBUKAAN AUDIT DALAMAN EKSA BIL 1 2022

24 MEI 2022 | SELASA



Pada hari yang sama juga, permurnian garis panduan EKSA PMBS juga telah dilaksanakan sebelum pembukaan audit EKSA Bil. 1 2022 bagi memastikan garis panduan selari dengan pelaksanaan yang dijalankan di PMBS dan dihadiri oleh semua Jawatankuasa Induk EKSA dan pihak pengurusan tertinggi bagi memastikan komunikasi dua hala yang berkesan.



Auditor yang kompeten dan berpengalaman sedang mengaudit dan menjalankan pemerhatian yang teliti dan baik.

PENUTUPAN AUDIT DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) BIL 1 :2022

26 MEI 2022 | KHAMIS

Pada 26 Mei yang lalu telah berlangsung mesyuarat Penutupan Audit Dalam EKSA Bil 1 2022 yang telah berlangsung selama 2 hari bermula dari 24-25 Mei yang diketuai oleh Puan Muzailina sebagai Ketua Juruaudit EKSA dan bersama pasukan audit EKSA PMBS seramai 7 orang



Penutupan Audit Dalam EKSA ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah, En Shahrir Bin Ahmad Zaini, Fasilitator EKSA, Puan Siti Syuhaili Binti Zahari, Cik Farah Nadia Binti Mohd Hasnu, Penyelaras EKSA, Puan Muzailina Binti Muslimin, Ketua Juruaudit EKSA, Nur Faizah Binti Zam Zam, Setiausaha EKSA, Encik Abdul Fattah Bin Hamden, Ketua Promosi EKSA, Puan Agnes Anak Buda, juruaudit EKSA, Puan Evelyn Franklin anak Tegik, Ketua Zon A, Encik Mohamad Shukri Bin Muda, dan Encik Larnerdo anak John French Udin sebagai juruaudit EKSA.

HEBAHAN

AKTIVITI EKSA

Julai - Disember

Ogos: Gotong-royong memasang bendera
sempena hari kebangsaan

September – Oktober:
Pertandingan Inovasi Produk EKSA

November: Program Gerak Gempur EKSA

Disember: E-Buletin EKSA & Soal Selidik
Pemahaman Promosi EKSA



PENUTUP

Amalan EKSA merupakan katalis dalam pengurusan persekitaran kerja yang lebih kondusif, bersih, selesa dan selamat. Melalui EKSA, semangat kerjasama, persaingan sihat dan nilai organisasi yang positif dapat dipupuk di kalangan warga PMBS.

EKSA juga dapat meningkatkan kesedaran berkaitan pengurusan sumber dengan lebih efisien dan kos yang efektif.

Namun begitu, semua ini tidak akan dapat dikecapi sekiranya tiada sokongan dan kerjasama dari semua warga institusi. Setiap pegawai perlu bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menjaga Kawasan yang telah dipertanggungjawabkan.

Auditan berkala juga mampu memastikan amalan EKSA institusi adalah berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh MAMPU. Oleh itu, pelaksanaan EKSA yang berkesan dapat diterapkan ke dalam budaya kerja warga PMBS disamping mewujudkan persekitaran yang tampak lebih professional dan kondusif.

RUJUKAN

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2015). Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Retrieved from https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2021/11/Panduan_Pelaksanaan_EKSA.pdf





POLITEKNIK

MALAYSIA

METrO BETONG SARAWAK

Politeknik METrO Betong Sarawak
1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700 Betong, Sarawak



<https://www.pmbs.edu.my/v3/>



Politeknik METrO Betong Sarawak



adminpmbs@pmbs.edu.my



politeknikmetrobetongsarawak



PolyMETrO Betong Sarawak



083-472676



083-472991

eISSN 2948-3840



9 772 948 384 009

